

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Mangsa pencemaran sisa toksik Sungai Kim Kim derita penyakit tiada ubat, tak pernah direkodkan di Malaysia

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Mahkamah Tinggi di sini, diberitahu mangsa pencemaran sisa toksik Sungai Kim Kim, Irfan Wafly Idham Wazir, 16, menderita Myokimia, yang bukan sahaja tiada ubat, malah penyakit yang tidak pernah direkodkan di negara ini.

Myokimia ialah sejenis penyakit

yang menyebabkan beberapa anggota badan menggeletar serta lemah dan terpaksa bergantung kepada tongkat.

Bapa Irfan Wafly, Idham Wazir A Wahab, 53, yang mewakili anaknya berkata, keadaan kaki anaknya juga sentiasa menggeletar dan berada dalam keadaan kejang akibat pencemaran berkenaan.

Nasional 14



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

KKM lantik 1,197 calon simpanan ke jawatan tetap

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) melantik 1,197 calon simpanan, merangkumi 857 calon pegawai perubatan dan 340 calon pegawai farmasi bagi mengisi jawatan tetap di kementerian berkenaan.

Pelantikan itu selepas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) meluluskan permohonan 1,197 jawatan tetap pada 29 September dan 3 Januari lalu bagi mengisi baki kekosongan jawatan selepas 1,508 calon simpanan pegawai perubatan dan pegawai farmasi fasa pertama selesai melapor diri 18 Disember lalu.

Dalam satu kenyataan semalam, KKM memaklumkan, selaras kelulusan SPA itu, semua calon simpanan yang menerima surat tawaran lantikan tetap sudah dimaklumkan melengkapkan urusan setuju terima menerusi Sistem Tawaran Pelantikan (MySTP) SPA.

"Urusan dalam tempoh 21 hari bermula 29 Disember 2023 bagi calon pegawai perubatan dan 3 Januari 2024 untuk calon pegawai farmasi. Seperti jaminan ketelusan dalam urusan penempatan lantikan tetap sebelum ini, penempatan kali ini dilaksanakan menerusi sistem *e-placement*.

"Ia merangkumi sistem *e-housemen* untuk calon pegawai perubatan dan *e-pharmacist* untuk

calon pegawai farmasi. Setiap calon dimaklumkan membuat pemilihan penempatan bagi tujuan pengesahan lapor diri bertugas dalam tempoh sistem dibuka dari 15 hingga 17 Januari lalu.

"Tawaran pelantikan tetap terbatal sekiranya calon tidak buat pemilihan penempatan dalam tempoh ditetapkan," katanya memaklumkan KKM turut menyediakan saluran menerusi *google form* untuk calon yang ingin me-

ngemukakan rayuan pertukaran penempatan, bermula 15 hingga 19 Januari lalu.

Katanya, rayuan dibawa untuk pertimbangan Jawatankuasa Rayuan Penempatan dengan keputusan akan dimaklumkan kepada calon menerusi portal Semakan Kerjaya KKM pada 31 Januari nanti, manakala penempatan ke fasiliti akan dimaklumkan Jabatan Kesihatan Negeri mulai 12 Februari depan.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Kaki mangsa menggeletar, kerap kejang

Dari Muka 1

Idham Wazir yang juga saksi plaintif pertama itu berkata demikian ketika disoal balas peguam, Walter Pereira pada perbicaraan kes saman sivil pencemaran sisa toksik Sungai Kim Kim, di Mahkamah Tinggi Sivil, di sini, semalam.

Peguam: Boleh jelaskan keadaan Irfan Wafiy ketika ini.

Idham Wazir: Sekarang ini Irfan belajar di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Johor Bahru di Seri Alam. Dia pun baru habis peperiksaan dan dapat keputusan 4A. Kesihatannya masih belum sembuh. Kaki dia masih menggeletar. Tiba masa dia sakit, memang kaki dia akan 'non-stop' menggeletar dan kerap berada dalam kekejangan.

Alhamdulillah sekarang dia solat dah tidak perlu pakai kerusi. Solat macam orang lain. Namun, penyakit itu ada lagi, belum sembuh. Rawatan terakhir ialah sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Peguam: Doktor ada maklumat mengenai rawatan terhadap penyakit diderita anak?

Idham Wazir: Sampai sekarang tiada lagi panggilan (doktor). Tiada 'follow up' daripada Hos-

pital Kuala Lumpur untuk rawatan lanjutan. Doktor (yang rawat Irfan Wafiy) pun sudah pencen.

Peguam: Apakah ada apa-apa gambaran dari pihak hospital, bila agaknya Irfan Wafiy akan pulih?

Idham Wazir: Doktor pakar yang rawat anak maklumkan penyakit ini tak ada ubat dan tiada rekod untuk penyakit ini di Malaysia. Apa yang doktor bagi (ubat) 'try and error' sahaja, berdasarkan kes-kes di luar negara. Namun ubat berkenaan tidak sesuai dengan anak saya. Bila anak saya makan, dia akan tidur. Dia 'student' tidak akan nak tidur.

Perbicaraan hari pertama saman sivil itu berlangsung di hadapan Hakim Datuk Seri Sam-sulbahri Ibrahim.

Mahkamah menetapkan perbicaraan disambung semula pada 2 Jun; 18 dan 19 Ogos serta 14 dan 15 Oktober depan.

Idham Wazir bersama 41 lagi plaintif kes itu diwakili peguam, Datuk Kamaruddin Ahmad, Walter Pereira dan Radiah Karim.

Peguam Kanan Persekutuan, Mohamed Azzam Zainal Abidin, yang juga Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Johor mewakili defendan membabitkan Kerajaan Johor, Menteri Be-



Peguam, Datuk Kamaruddin Ahmad ketika memberi penerangan kepada keluarga mangsa di Mahkamah Tinggi di Menara Cyberport, Johor.

(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

sar, bekas EXCO Alam Sekitar Johor.

Peguam Kanan Persekutuan, Zetty Zurina Kamaruddin Nurul Farhana Khalid dan Safiyah Omar pula mewakili Pengarah Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Kerajaan Malaysia.

Syarikat P Tech Resources Sdn Bhd, dua pengarahnya serta pe-

mandu lori, N Maridass, diwakili Phang Soon Mun, Chew Chun Wei dan Yvonne Chai.

Sebelum ini, Jawatankuasa Bertindak Mangsa Gas Toksik Sungai Kim Kim dan Keluarga Mangsa Kes Toksik dilaporkan akan menuntut ganti rugi berjumlah RM30 juta daripada 12 defendan termasuk Kerajaan Johor dan Menteri Besar.

Ganti rugi itu membabitkan ganti rugi am dan khas, selain ganti rugi membabitkan tuntutan ke atas Irfan Wafiy, mangsa paling teruk terjejas yang kini menderita Myokimia menyebabkan sarafnya terganggu dan terpaksa bergantung pada tongkat, akibat kesan pencemaran sisa toksik pada Mac 2019.

Antara defendan lain yang akan disaman ialah EXCO Alam Sekitar, JAS, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan P Tech Resources Sdn Bhd, syarikat yang membuang sisa toksik itu.

Kejadian pencemaran sisa bahan kimia pada 13 Mac 2019 itu menjejaskan kesihatan lebih 2,000 orang awam dan menyebabkan 111 sekolah di Pasir Gudang ditutup dipercayai susulan pembuangan sisa toksik di Sungai Kim Kim pada 7 Mac mengejutkan negara apabila 947 orang dirawat dengan sembilan daripada mereka ditempatkan di Unit Rawatan Rapi Hospital Sultan Ismail (HSI).

Pada 17 Julai tahun lalu, pihak mangsa memfailkan saman sivil itu berjaya menafikan permohonan defendan, P Tech Resources Sdn Bhd, untuk mengetepikan saman sivil yang mula difailkan pada 2019.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : BISNES

FMM kesal caj naik, periksa kesihatan setiap tahun

Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) kecewa dengan kenaikan kadar dan kekerapan pemeriksaan perubatan pekerja asing yang dibuat tanpa berunding dengan pihak berkepentingan terlebih dulu.

Presidennya, Tan Sri Soh Thian Lai, berkata FOMEMA Sdn Bhd (FOMEMA) telah mengabaikan keperluan asas untuk berunding dengan pihak berkepentingan sebelum melaksanakan perubahan dasar yang juga adalah elemen kritikal Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP).

Beliau berkata, walaupun NPGRP mungkin tidak terpakai secara langsung kepada FOMEMA, tetapi sebagai syarikat mengen-

dalikan sistem pemeriksaan kesihatan pekerja asing bagi pihak Kementerian Kesihatan, elemen asas dasar itu sepatutnya dipatuhi.

Katanya, ia khususnya keperluan untuk Analisis Impak Peraturan (RIA) yang akan dijalankan sebelum kenaikan kadar dan kekerapan yang akan mengakibatkan beban kawal selia lebih tinggi dan kos kepada perniagaan.

Pelan komunikasi yang betul kepada pihak berkepentingan telah diabaikan kerana pengumuman mengenai perubahan itu



Soh Thian Lai

dibuat sehari sebelum berkuatkuasanya caj yang lebih tinggi dan kekerapan pemeriksaan perubatan dan hanya diterbitkan di laman web FOMEMA dan akaun media sosial tanpa sebarang rundingan awam atau komunikasi terlebih dulu dengan pihak berkepentingan berkaitan.

"Ini menambahkan lagi kecewaan komuniti perniagaan yang tidak menyedari perubahan itu. Pengilang secara keseluruhan akan menanggung kira-kira RM124.2 juta setiap tahun dalam kos pemeriksaan perubatan untuk kira-kira 600,000 pekerja

asing dalam sektor itu susulan kenaikan serta-merta yuran 14 peratus hingga 15 peratus.

"Keperluan tahunan itu akan meningkatkan pemeriksaan perubatan sebanyak empat kali lagi untuk seorang pekerja yang berada di sini selama 10 tahun yang akan menambah kos tambahan kira-kira RM500 juta untuk sektor itu (berdasarkan 600,000 pekerja asing dalam sektor itu)," katanya dalam satu kenyataan.

Thian Lai berkata, kekerapan sebelum ini mencukupi untuk memantau keadaan kesihatan pekerja dengan keperluan mandatori untuk tiga tahun pertama dan pemeriksaan berikutnya dilakukan pada tahun bergantian selepas itu.

Beliau berkata, peningkatan berterusan dalam beban kos kawal selia ke atas industri hanya akan menjejaskan lagi operasi perniagaan yang telahpub menghadapi masa mencabar dengan ketidakpastian luaran yang semakin mendalam akibat gangguan geopolitik baharu dan peralihan berterusan dalam tatanan ekonomi global.

Katanya, adalah mustahak bagi pihak berkuasa mengiktiraf kesan ekosistem kawal selia ke atas persekitaran perniagaan dan tidak membuat keputusan secara unilateral tanpa perundingan sewajarnya dengan pihak berkepentingan yang sedang menerima keputusan berat sebelah mereka.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : LOKAL

KES SAMAN PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM

Belum ada rekod penyakit Myokymia dalam Malaysia

Johor Bahru: Mahkamah Tinggi di sini, semalam diberitahu mangsa pencemaran sisa toksik Sungai Kim Kim, Irfan Wafiy Idham Wazir, 16, menderita Myokymia, yang bukan sahaja tiada ubat, malah penyakit tidak pernah direkodkan di negara ini.

Myokymia adalah sejenis penyakit menyebabkan beberapa anggota badan mengeletar serta lemah dan terpaksa bergantung kepada tongkat.

Bapa Irfan Wafiy, Idham Wazir A Wahab, 53, yang mewakili anaknya berkata, keadaan kaki anaknya sentiasa mengeletar dan berada dalam keadaan kejang akibat pencemaran itu.

Idham Wazir yang juga saksi plaintif pertama itu berkata demikian ketika disoal balas peguam Walter Pereira pada perbicaraan kes saman sivil pencemaran sisa toksik Sungai Kim Kim.

Peguam: Boleh jelaskan keadaan Irfan Wafiy ketika ini?

Idham Wazir: Sekarang ini Irfan belajar di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Johor Bahru di Seri Alam. Dia pun baru habis peperiksaan dan dapat keputusan 4A.



IRFAN Wafiy (tengah) bersama ibu bapanya Norlela dan Idham Wazir.

Kesihatannya masih belum sembuh. Kaki dia masih mengeletar, tiba masa dia sakit, memang kaki dia akan *non stop* mengeletar dan kerap berada dalam kekejangan.

Alhamdulillah, sekarang dia solat dah tidak perlu pakai kerusi. Solat macam orang lain. Namun, penyakit itu ada lagi, belum sem-

buh. Rawatan terakhir adalah sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Peguam: Doktor ada maklumkan mengenai rawatan terhadap penyakit dideritai anak?

Idham Wazir: Sampai sekarang tiada lagi panggilan (doktor). Tiada *follow up* daripada Hospital Kuala

Lumpur untuk rawatan lanjutan. Doktor (yang rawat Irfan Wafiy) pun sudah pencen.

Peguam: Apakah ada apa-apa gambaran dari pihak hospital bila agaknya Irfan Wafiy akan pulih?

Idham Wazir: Doktor pakar yang rawat anak maklumkan penyakit ini tak ada ubat dan tiada re-

kod untuk penyakit ini di Malaysia. Apa yang doktor bagi (ubat) *try and error* sahaja, berdasarkan kes-kes di luar negara.

Namun ubat itu tidak sesuai dengan anak saya. Bila anak saya makan, dia akan tidur. Dia *student* tidak akan nak tidur.

Perbicaraan hari pertama saman sivil itu berlangsung di hadapan Hakim Datuk Seri Samsulbahri Ibrahim.

Mahkamah menetapkan perbicaraan disambung semula pada 2 Jun; 18 dan 19 Ogos serta 14 dan 15 Oktober depan.

Idham Wazir bersama 41 lagi plaintif kes itu diwakili peguam, Datuk Kamaruddin Ahmad, Walter Pereira dan Radiah Karim.

Manakala, Peguam Kanan Persekutuan Mohamed Azzam Zainal Abidin, yang juga Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Johor mewakili defendan membabitkan Kerajaan Johor, Menteri Besar, bekas Exco Alam Sekitar Johor.

Peguam Kanan Persekutuan, Zetty Zurina Kamaruddin Nurul Farhana Khalid dan Safiyah Omar pula mewakili Pengarah Alam Sekitar, Jabatan

Alam Sekitar (JAS) dan Kerajaan Malaysia.

Manakala, syarikat P Tech Resources Sdn Bhd, dua pengarahnya serta pemandu lori, N Maridass, diwakili peguam Phang Soon Mun, Chew Chun Wei dan Yvonne Chai.

Sebelum ini, Jawatan Kuasa Bertindak Mangsa Gas Toksik Sungai Kim Kim dan Keluarga Mangsa Kes Toksik dilaporkan akan menuntut ganti rugi berjumlah RM30 juta daripada 12 defendan termasuk Kerajaan Johor dan Menteri Besar.

Ganti rugi itu membatikan ganti rugi am dan khas, selain ganti rugi membabitkan tuntutan ke atas Irfan Wafiy, mangsa paling teruk terjejas yang kini menderita Myokymia menyebabkan sarafnya terganggu dan terpaksa bergantung pada tongkat akibat kesan pencemaran sisa toksik pada Mac 2019.

Antara defendan lain yang akan disaman adalah Exco Alam Sekitar, JAS, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan P Tech Resources Sdn Bhd, syarikat yang membuang sisa toksik itu.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : LOKAL

KESESAKAN DI HSA

Pesakit gejala ringan dinasihat ke Klinik Kesihatan Mahmoodiah

Iskandar Puteri: Orang ramai yang mengalami masalah gejala ringan, dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Mahmoodiah bagi mengelakkan kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma (JKT) Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor Ling Tian Soon berkata, waktu operasi klinik berkenaan dilanjutkan dari jam 8 pagi sehingga 9 malam berbanding 5 petang.

Beliau berkata, lanjutan operasi itu antara langkah bagi mengatasi masalah kesesakan Zon Kuning dan Zon Merah di JKT HSA, sekali gus mengelakkan Zon Hijau ditutup untuk menampung pesakit daripada kedua zon terbabit.

"HSA adalah hospital paling sibuk di Johor dan JKT secara purata terima pesakit kira-kira 600 orang setiap hari, bayangkan setiap jam kita terima jumlah pesakit yang tinggi.

"Oleh sebab itu, kerajaan negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melanjutkan waktu perkhidmatan Klinik Kesihatan Mahmoodiah supaya kita boleh ubah hala pesakit tidak berat dirujuk ke klinik tersebut untuk kurangkan beban di JKT," katanya ketika diminta mengulas mengenai tindakan yang diambil kerajaan negeri bagi mengatasi kesesakan di JKT HSA.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) 'Menuju Ke Arah Dunia Bebas Daripada Kanser Serviks' di antara Hospital Gleneagles dan Yayasan ROSE, bersempena Kempen Bulan Kesedaran Kanser Serviks, di sini, semalam.

Sebelum ini, Pengarah HSA Dr Sal Atan dilaporkan sebagai berkata Zon Hijau JKT HSA ditutup sementara pada 17 Januari lalu bagi menampung peningkatan pesakit di Zon Kuning dan Zon Merah.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA

Kosmo! SELASA 23 JANUARI 2024

Negara! 15

Permohonan fasa kedua diluluskan SPA pada 29 September dan 3 Januari lalu

Lantik 1,197 pegawai baharu KKM

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) telah melantik seramai 1,197 calon simpanan meliputi 857 pegawai perubatan dan 340 pegawai farmasi bagi mengisi jawatan tetap di Kementerian berkenaan.

KKM dalam satu kenyataan berkata, pelantikan berkenaan dibuat selepas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) meluluskan permohonan tersebut pada 29 September dan 3 Januari lalu.

"Pelantikan itu bertujuan mengisi kekosongan jawatan selepas selesai urusan 1,508 calon simpanan pegawai perubatan dan pegawai farmasi fasa pertama yang melapor diri pada 18 Disember lalu.

"Selaras dengan kelulusan SPA, semua calon simpanan yang menerima surat tawaran pelantikan tetap telah dimaklumkan un-

tuk melengkapkan urusan setuju terima pelantikan menerusi Sistem Tawaran Pelantikan (MySTP) SPA," katanya semalam.

Menurut kenyataan itu, urusan tersebut bermula 29 Disember bagi calon pegawai perubatan dan 3 Januari (calon pegawai farmasi).

"Sepertimana jaminan ketelusan dalam urusan penempatan lantikan tetap sebelum ini, penempatan kali ini dilaksanakan menerusi sistem e-housemen untuk calon pegawai perubatan manakala sistem e-pharmacist untuk calon pegawai farmasi.

"Sehubungan itu, setiap calon telah dimaklumkan untuk membuat pemilihan penempatan bagi tujuan pengesahan melapor diri bertugas dalam tempoh sistem dibuka dari 15 hingga 17 Januari ini.

"Tawaran pelantikan tetap terbatal sekiranya calon tidak membuat pemilihan penem-

tan dalam tempoh yang ditetapkan," ujarnya.

Tambah kenyataan itu, KKM turut menyediakan saluran untuk calon yang ingin mengemukakan rayuan pertukaran penempatan bermula 15 hingga 19 Januari.

"Rayuan dikemukakan menerusi 'google form' dalam tempoh ditetapkan sahaja akan dibawa untuk pertimbangan oleh Jawatankuasa Rayuan Penempatan.

"Keputusan Jawatankuasa Rayuan Penempatan akan dimaklumkan kepada calon menerusi portal Semakan Kerjaya KKM pada 31 Januari depan," jelasnya.

Katanya, penempatan calon ke fasiliti akan dimaklumkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri mulai 12 Februari ini.

Tarikh pelantikan tetap calon adalah berkuat kuasa pada tarikh lapor diri bertugas iaitu 4 Mac 2024.



SERAMAI 857 pegawai perubatan dan 340 pegawai farmasi dilantik mengisi jawatan tetap di Kementerian Kesihatan. - GAMBAR HIASAN

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

IJN berjaya laksana prosedur jantung kompleks ke-100

KUALA LUMPUR - Institut Jantung Negara (IJN) melakar sejarah apabila berjaya melaksanakan prosedur jantung kompleks ke-100, menggunakan peranti MitraClip dan TriClip.

Ini menjadikan IJN sebagai hospital keempat di rantau ini yang mencapai kejayaan tersebut sekali gus mengukuhkan komitmen IJN bagi meningkatkan kaedah rawatan kardiovaskular yang lebih canggih.

Pengarah Klinikal Kegagalan Jantung dan Pemindehan Jantung IJN, Datuk Dr Azmee Mohd Ghazi berkata, prosedur tersebut telah dijalankan pada Jumaat lepas oleh sepasukan pakar kardiologi.

"Pencapaian ini membuktikan kemahiran dan dedikasi pasukan kami untuk meningkatkan hasil rawatan bagi pesakit yang mengalami regurgitasi injap mitral/ tricuspid.

"Kepakaran kami dalam prosedur ini telah diasah dengan lebih sedekad pengalaman, dan kami amat berbangga telah memberi kesan positif kepada kehidupan 100 pesakit," katanya dalam kenyataan dikeluarkan IJN pada Isnin. IJN menjadi pusat rawatan



Prosedur jantung kompleks ke-100 dengan MitraClip dan TriClip berjaya dilaksanakan di IJN.

penyakit jantung yang pertama di Malaysia' memperkenalkan prosedur MitraClip.

Perintis bagi kes berkenaan dilakukan pada Disember 2011 oleh Pakar Kardiologi Malaysia terkemuka Tan Sri Dr Robaayah Zambahari; Pakar Perunding Kanan Kardiologi, Datuk Dr Mohd Nasir Muda dan Datuk Dr Amin Ariff Nuruddin.

Sejak itu, program tersebut diteruskan di bawah bimbingan Dr Amin Ariff.

Sementara itu, IJN menjelaskan, regurgitasi mitral atau tricuspid adalah sejenis penyakit injap jantung yang biasa

dan ia berlaku apabila injap mitral atau tricuspid gagal menutup dengan betul, menyebabkan darah bocor ke bahagian belakang jantung.

"Justeru, MitraClip atau TriClip merupakan peranti kecil direka untuk mengecilkan bukaan injap mitral atau tricuspid, sebagai alternatif kepada pembedahan jantung terbuka.

"Biasanya mengambil masa kira-kira dua hingga tiga jam untuk diselesaikan, prosedur ini membolehkan masa pemulihan yang lebih cepat dan mengurangkan risiko pembedahan tradisional," jelasnya.

RALAT

Sinar Harian merujuk kepada infografik bertajuk 'Kos Rawatan Mengikut Jenis' dengan memetik sumber Institut Jantung Negara (IJN) seperti yang telah disiarkan pada 21 Januari 2024.

Bagaimanapun, kos yang tertera pada infografik tersebut sepatutnya bukanlah seperti yang disiarkan. Sinar Harian memohon maaf atas kesilapan tersebut.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : NEGERI

Irfan menderita penyakit tiada ubat - Saksi

42 plaintif fail saman
sivil RM30 juta terhadap
pelaku pencemaran
Sungai Kim Kim

Oleh NOR AZURA MD AMIN
JOHOR BAHRU

Perbicaraan hari pertama kes saman sivil pencemaran sisa toksik Sungai Kim Kim, bermula dengan bapa kepada mangsa menceritakan penderitaan anaknya yang menghidap penyakit Myokymia akibat tragedi pencemaran enam tahun lalu di Mahkamah Tinggi, pada Isnin.

Saksi pertama, Idham Wazir A Wahab, 53, berkata keadaan kaki anaknya, Irfan Wafly, 16, sentiasa menggeletar dan kejung akibat pencemaran itu.

Ketika disoal balas peguam Walter Pereira, Idham menjelaskan keadaan kesihatan anaknya yang juga pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Johor Bahru masih belum sembuh.

"Alhamdulillah, sekarang dia solat dah tidak perlu pakai kerusi. Namun, penyakit itu ada lagi, belum sembuh.

"Rawatan terakhir adalah sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," ujarnya.

Ketika ditanya mengenai rawatan Irfan, Idham memberitahu penyakit Myokymia tiada ubat atau rekod di negara ini.

"Sampai sekarang tiada lagi



Keluarga mangsa pencemaran Sungai Kim Kim hadir Mahkamah Tinggi.

panggilan (doktor). Tiada 'follow up' dari Hospital Kuala Lumpur (HKL). Doktor (yang rawat Irfan) pun sudah pencek.

"Doktor pakar maklumkan penyakit ini tiada ubat dan tiada rekod di Malaysia. Apa yang doktor bagi (ubat) 'try and error' sahaja berdasarkan kes di luar negara," katanya.

Terdahulu, Idham bersama 41 plaintif diwakili Datuk Kamarudin Ahmad, Radiah Karim dan Walter memfailkan saman sivil RM30 juta terhadap 12 defendan termasuk Kerajaan Negeri Johor, Menteri Besar dan bekas Exco Alam Sekitar Johor yang diwakili Peguam Kanan Persekutuan, Mohamed Azzam Zainal Abidin yang juga Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.

Peguam Kanan Persekutuan, Zetty Zurina Kamaruddin, Nurul Farhana Khalid dan Safiyah Omar pula

mewakili Pengarah Alam Sekitar Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Kerajaan Malaysia.

Manakala dua pengarah P Tech Resources Sdn Bhd dan pemandu lori, N Maridass diwakili Phang Soon Mun, Chew Chun Wei dan Yvonne Chai.

Defendan lain termasuklah Exco Alam Sekitar, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Kejadian pencemaran pada Mac 2019 menjejaskan kesihatan lebih 2,000 penduduk hingga menyebabkan 111 sekolah ditutup susulan pembuangan sisa toksik di Sungai Kim Kim dengan 947 orang dirawat dengan sembilan daripadanya ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultan Ismail (HSI).

Hakim Datuk Seri Samsulbahri Ibrahim kemudian memerintahkan perbicaraan bersambung 2 Jun depan.

Operasi KK Mahmoodiah tangani kesesakan HSA

JOHOR BAHRU - Masalah kesesakan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) khususnya Jabatan Kecemasan dan Trauma (JKT) bakal diatasi dengan lanjutan masa operasi Klinik Kesihatan (KK) Mahmoodiah.

Menurut Exco Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor, Ling Tian Soon, lanjutan masa itu diharap dapat memberikan peluang kepada orang ramai khususnya yang berdepan masalah kesihatan ringan mendapatkan rawatan.

Katanya, secara tidak langsung ia membantu mengatasi masalah kesesakan di Zon Kuning dan Merah di JKT HSA.

"Sebelum ini, waktu Klinik Kesihatan Mahmoodiah beroperasi adalah dari 8 pagi hingga 5 petang dan mungkin menyukarkan mereka yang pulang kerja pada jam 5 petang hingga semuanya bertumpu ke JTK.

"Jadi, lanjutan masa operasi di Klinik Kesihatan Mahmoodiah, pesakit yang tidak berat boleh dirujuk ke klinik ini sekali gus mengurangkan beban di JTK," katanya ketika Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) 'Menuju Ke Arah Dunia Bebas Daripada Kanser Serviks' antara Hospital Gleneagles dan Yayasan Rose, di sini, pada Isnin.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Gleneagles Johor, Dr Kamal Amzan dan Pengerusi Yayasan Rose, Prof Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman.

Sementara itu Tian Soon berkata, pembinaan Hospital Pasir Gudang sudah berada pada tahap 65 peratus pembinaan.

"Pada hujung 2023 lalu, saya turun ke tapak dan tengok sendiri perkembangan projek dan sudah berada pada tahap 65 peratus.

"Justeru, kita berharap hospital dapat beroperasi secara berfasa mulai 2025," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : DALAM NEGERI

Badan Irfan Wafiy menggeletar, kejang hingga kini - Bapa

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM
utusannews@mediamulla.com.my

JOHOR BAHRU: Mahkamah Tinggi di sini diberitahu mengenai seorang mangsa pencemaran sisa toksik Sungai Kim Kim, Irfan Wafiy Idham Wazir, 16, masih menderita penyakit *myokymia* sejak enam tahun lalu.

Bapa Irfan Wafiy, Idham Wazir A. Wahab, 53, yang merupakan saksi pertama berkata, penyakit yang dihidapi anaknya itu bukan sahaja tiada penawarnya, malah tidak pernah direkodkan di negara ini.

Katanya, keadaan kaki anaknya juga sentiasa menggeletar dan berada dalam keadaan kejang akibat kesan pencemaran berkenaan.

"Alhamdulillah sekarang dia solat tidak perlu pakai kerusi lagi, solat seperti biasa. Namun, penyakit itu ada lagi, belum sembuh dengan rawatan kali terakhir adalah sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya ketika disoal balas peguam, Walter Pereira pada perbicaraan kes saman sivil pencemaran sisa toksik Sungai Kim Kim di hadapan

Hakim Datuk Seri Samsulbahri Ibrahim di sini, semalam.

Idham Wazir berkata, anaknya yang berusia 16 tahun itu kini belajar di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Johor Bahru di Seri Alam, di sini dan setelah enam tahun berlalu, anaknya tidak menerima panggilan daripada pihak Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk menjalani rawatan susulan.

"Doktor pakar yang merawat anak memaklumkan penyakit ini tidak ada ubat dan tiada rekod untuk penyakit ini di Malaysia. Ubat yang doktor bagi 'try and error' sahaja berdasarkan kes-kes di luar negara, namun ubat berkenaan tidak sesuai dengan anak, apabila makan, dia akan tidur," katanya.

Perbicaraan kes saman sivil RM30 juta terhadap 12 defendan termasuk Kerajaan Negeri Johor itu akan disambung pada 2 Jun, 18 dan 19 Ogos serta 14 dan 15 Oktober depan.

Idham Wazir bersama 41 lagi plaintif diwakili peguam Datuk Kamarudin Ahmad, Walter Pereira dan Radiah Karim.

Peguam Kanan Persekutuan,

Mohamed Azzam Zainal Abidin yang juga Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Johor mewakili defendan, iaitu Kerajaan Negeri Johor, Menteri Besar dan bekas Exco Alam Sekitar Johor.

Peguam Kanan Persekutuan, Zetty Zurina Kamaruddin, Nurul Farhana Khalid dan Safiyah Omar pula mewakili Pengarah Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Kerajaan Malaysia manakala, syarikat P Tech Resources Sdn. Bhd., dua pengarahnya serta pemandu lori, N Maridass diwakili peguam, Phang Soon Mun, Chew Chun Wei dan Yvonne Chai.

Pada 17 Julai tahun lalu, pihak mangsa memfailkan saman sivil itu berjaya menafikan permohonan defendan, P Tech Resources Sdn. Bhd. untuk mengeneipkan saman sivil yang mula difailkan pada 2019.

Kejadian pencemaran sisa bahan kimia itu menjejaskan kesihatan lebih 2,000 orang awam dan menyebabkan 111 sekolah di Pasir Gudang ditutup ekoran pembuangan sisa toksik di Sungai Kim Kim pada 7 Mac 2019.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : LETTERS

TUANKU MUHRIZ TRAVELLING FELLOWSHIP

CHALLENGES IN RURAL HEALTHCARE

I WANTED to share the profound impact that my Tuanku Muhriz Travelling Fellowship had on my understanding of rural healthcare dynamics, particularly during my two-week stay in Negri Sembilan late last year.

My exploration encompassed various dimensions of the healthcare landscape, ranging from rural surgical practices to community and specialised services at Tuanku Ampuan Najibah Hospital (HTAN), Jempol Hospital and Tampin Hospital.

These experiences offered insights into the challenges faced by healthcare teams in rural settings, highlighting their dedication to delivering exceptional patient care.

A highlight of my visit was the opportunity to spend time with Datuk Dr Harlina Abdul Rashid, the state Health Director, whose perspectives enriched my understanding of the complex dynamics in rural healthcare in Malaysia.

Visits to Jempol Hospital and Tampin Hospital, integral components of the cluster hospital system, underscored the collaborative efforts of healthcare professionals in overcoming geographical barriers.

An enlightening experience was the discussion at Jempol Hospital, where innovative solutions were explored to address challenges in theatre capacity and staff shortages. Witnessing the resilience and adaptability of healthcare professionals in



The challenges faced by rural healthcare teams revolve around institutional funding, equipment shortages and recruitment difficulties for which innovative solutions were proposed.
FILE PIC

the face of resource challenges was truly heartening.

Our exploration extended to the crucial role played by the district health department in providing mobile clinics and essential healthcare services, especially in reaching remote areas. Witnessing mobile clinics in action highlighted the dedication of healthcare teams in ensuring medical care for rural communities.

Commendations are due for the innovative approaches of healthcare teams at Modern Wound Care Services in Johor and dental health services in Serting Hillir. The commitment of these professionals, particularly the strong and capable women leading

the teams, left a lasting impression on me.

Visiting the Orang Asli village in Guntur and witnessing a home visit to a paralysed patient was an honour. This experience emphasised the challenges rooted in cultural differences and traditional medical practices, highlighting the importance of culturally sensitive healthcare.

Throughout my visit, we conducted a healthcare system analysis, identifying challenges such as funding limitations, staffing shortages, and opportunities for improvement, including the potential of telemedicine in the post-pandemic landscape.

The challenges faced by the healthcare team at HTAN, reminiscent of

those in remote and rural National Health Service health boards in Scotland, revolve around institutional funding, equipment shortages and recruitment difficulties. Innovative solutions, such as using clean procedure rooms, were proposed at Jempol Hospital to address theatre capacity and staff shortages.

Succession planning and inadequate funding for training were identified at Modern Wound Care Services, highlighting the need for more specialist input and advice. Chronic staff shortages at physiotherapy and occupational therapy departments hinder the delivery of desired services at the Johor health clinic.

At the Bahau district health

department, addressing the disparity in allowances for attendance compared with staying at home emerged as a potential improvement in the well-run cluster hospital system in Negri Sembilan.

Having left Malaysia to study abroad 20 years ago, my excitement to witness the development of healthcare, especially in a remote setting, was palpable. In the long term, I aspire to network with local surgeons, enhance medical education and contribute to surgical pathways in rural Malaysia and Scottish Highlands.

Despite being a remote orthopaedic surgeon in the Highlands, my goal is to contribute my experiences and skills to Malaysia. My hope is to foster collaboration, improve medical education and enhance healthcare delivery in Malaysian rural communities.

I'm happy to conclude that my fellowship experience was an eye-opener, showcasing the challenges and commendable efforts of healthcare professionals.

The collaborative spirit and commitment to overcoming geographical barriers were evident, reflecting the resilience, dedication and innovative spirit of those providing healthcare to diverse communities.

ADELINE CLEMENT

Consultant trauma orthopaedic, Hand and wrist surgeon, Raigmore Hospital (NHS Highland) Inverness, United Kingdom

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION

Permanent positions for over 1,000 medical officers, pharmacists

By HO JIA WEN
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: More than 1,000 reserve candidates will get permanent positions as medical and pharmacy officers.

The Public Service Department (JPA) had approved the Health Ministry's request to appoint 1,197 reserve candidates for the

positions on Sept 29, 2023 and Jan 3 this year.

This includes 857 candidates for the posts of medical officers and 340 candidates for pharmacy officers.

"The appointments are meant to fill the remaining vacancies after the registration of 1,508 reserve candidates involving medical and pharmacy officers

during the first phase on Dec 18 last year," said the Health Ministry in a statement yesterday.

It said the offer and acceptance of the appointments would be implemented through the Appointment Offer System of JPA (MySTP SPA).

It will be within 21 days from Dec 29, 2023, for medical officer candidates and Jan 3, 2024, for

pharmacy candidates.

"Like the previous placement process, each candidate had been informed to make placement selections within the e-placement system, which was between Jan 15 and 17," the ministry said.

Placement transfer appeals were also during the same period.

"The final decision will be communicated through the Health

Ministry's career portal on Jan 31," it said.

Placements will be confirmed by the state Health Departments from Feb 12 onwards.

The date of reporting for duties will start on March 4.

"Candidates who are unable to report for duty on March 4 may apply for a deferment to their new department head," it said.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

Labuan healthcare staff quarters project to be retendered

LABUAN: The healthcare staff quarters project here, costing RM24 million, has come to a standstill as the contractor failed to adhere to the agreed work schedule, said Deputy Works Minister Datuk Seri Ahmad Maslan.

Initiated in early 2022, the project's progress has lagged significantly, reaching only 23% completion with a 31% delay.

He also expressed a necessity to terminate the contract, citing its crucial importance to healthcare staff in Labuan.

"The contract, awarded on Dec 1, 2022, will now undergo a retendering process, with an anticipated increase in project costs overseen by the Economic Planning Unit.

"The project was initially awarded at RM24 million. Certainly, after the retendering process, the cost will be increased," he told reporters after a ceremony for a sterile pharmacy project at Labuan Hospital.

Ahmad said the project was originally slated for completion on June 29, 2023 but now faces an uncertain timeline, with its progress halted this month.

The Labuan healthcare staff quarters project, situated on an eight-acre site in Membedai Jalan Tanjung Teras, adjacent to the Membedai Health Clinic and Labuan Health Department headquarters, aims to provide a conducive residential environment for healthcare employees.

The project encompasses four units of Class D semi-detached houses, one five-storey apartment block with 18 units, and another five-storey block with 16 units.

In a positive development, Ahmad commended the Labuan Public Works Department and the contractor for the timely completion of the RM6.6 million sterile pharmacy project at Labuan Hospital.

He also addressed the delayed RM26.8 million Bebuloh Health Clinic project, initiated in Nov 2019.

"After being retendered, a new contractor has been appointed, with a projected completion period of 156 weeks, targeting January 2027," he said. — Bernama